

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 29/08/2007

Jangan semai kebencian

um - 29/8/2007

KUALA LUMPUR 28 Ogos - Ahli-ahli politik dinasihatkan supaya jangan menyemai perasaan benci dan sangsi di kalangan rakyat sehingga merosakkan suasana menjelang sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 Jumaat ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan semua ahli politik tanpa mengira parti memastikan mereka tidak bertindak sedemikian hanya untuk meraih sokongan dan undi.

"Kita perlu berhati-hati dengan apa yang diperkatakan. Bukan kerana kita tidak boleh bercakap perkara ini (yang sensitif) tetapi bagi memastikan ia diperkatakan secara terbaik sehingga tidak menimbulkan perbalahan.

"Sempena ulang tahun kemerdekaan ke-50, kita perlu mengetepikan (fahaman) politik buat sementara bagi membolehkan kita bersama-sama meraikan detik kejayaan negara pada 31 Ogos ini.

"Kita perlu mengingati kembali pengorbanan pejuang terdahulu dan bersama-sama meraikan kemerdekaan negara yang diasaskan atas prinsip toleransi dan kerjasama," katanya.

Najib berucap merasmikan pameran foto *The Road To Nationhood: Unity Amidst Diversity* anjuran New Straits Times Press (NSTP) di sebuah pusat beli-belah di sini hari ini.

Menurut Najib, kejayaan negara sekarang perlu terus dipelihara kerana ia



NAJIB Tun Abdul Razak mendengar penerangan daripada Pengurus Besar NSTP E-Media Sdn. Bhd., Zainul Arifin Mohammed Isa (kiri) ketika melawat pameran *Road to Nationhood: Unity Amidst Diversity* di Bangsar Shopping Centre, Kuala Lumpur, semalam.

- Bernama

dicapai bukan secara kebetulan sebaliknya hasil kerja keras pemimpin terdahulu.

"Terdapat beberapa fasa dalam sejarah negara apabila pandangan sempit dan politik kebencian diterima sehinggakan seo-

lah-olah mengesahkan dakwaan pihak tertentu bahawa Malaysia ditakdirkan mengalami nasib buruk.

"Ini dapat diatasi kerana kita mempunyai pemimpin pragmatik yang menolak fahaman cauvinis," tegasnya.